

CNS5882

R GB 14-08 00160 BH663

bah

MAHATHIR HARAP NAFTA TIDAK JEJAS DAGANGAN MALAYSIA

Mahathir - Nafta

BUKIT KAYU HITAM, 14 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap penubuhan kawasan pasaran bebas tunggal terbesar dunia oleh negara Amerika Syarikat, Mexico dan Kanada, tidak akan menjejaskan perdagangan Malaysia.

Sambil menyatakan kekhawatirannya terhadap Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (Nafta), Perdana Menteri berkata Malaysia akan berusaha menembusi pasaran itu dan meningkatkan perdagangannya terutama dengan Amerika Syarikat dan Mexico.

Beliau mengulas laporan mengenai persetujuan yang dicapai oleh ketiga-tiga negara berkenaan mengenai Nafta yang diumumkan di Washington pada Rabu.

Perjanjian itu antara lain membolehkan negara-negara terlibat menikmati pengurangan tarif import, penghapusan pemeriksaan kastam dan mengurangkan karenah birokrasi antara negara-negara berkenaan.

Dr Mahathir memberitahu pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan penduduk Felda Bukit Tangga dekat sini hari ini, bahawa Malaysia telah menyuarakan kekhawatirannya terhadap Nafta kerana ia akan menyekat kemasukan barangan dari luar ke Amerika Utara. -- Lagi

♥14/08/19-56MST

R GB 14-08 00160 BH666

bah

Mahathir - Nafta 2 (Akhir) Bukit Kayu Hitam

Dr Mahathir bagaimanapun menyatakan rasa dukacitanya kerana negara-negara berkenaan menubuhkan Nafta sedangkan mereka menolak Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dicadangkan oleh Malaysia.

Ditanya mengenai perkembangan EAEC, Dr Mahathir berkata ramai peniaga dan pengusaha Jepun berminat dengan penubuhan EAEC walaupun kerajaan Jepun +tidak begitu menyokong.+

+Bagaimanapun, kita harap mereka akan menyokong kemudian kerana sekarang (Jepun) dikenakan tekanan yang hebat oleh Amerika Syarikat, termasuk ini van mereka tidak dibenarkan masuk ke negara itu.

+Jadi dalam keadaan semacam ini, mereka terpaksa lebih mengutamakan kepentingan negara timur,+ katanya.

Beliau berkata kerajaan tidak pernah berhenti dalam usahanya hendak menjayakan penubuhan EAEC dan sekiranya Malaysia tidak mendapat sokongan Jepun dan Korea, sokongan negara-negara lain adalah memadai.

Terdahulu itu, ketika berucap, Perdana Menteri berkata wawasan 2020 antara lain bertujuan menjadikan Malaysia negara yang kuat dan maju supaya tidak mudah ditindas negara lain. -- Bernama